

Sekitar seminar 'Pendekatan Islam Terhadap Perkembangan Teknologi'

Atasi kemiskinan teknologi: PM

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, umat Islam akan terus lemah dan lumpuh sekiranya mereka mengenyahkan kemajuan 'dalam dunia yang dibentuk oleh teknologi'.

Menurut Perdana Menteri, setengah-setengah umat Islam telah hilang kepercayaan dan menolak Islam kerana 'kita miskin di bidang teknologi serta pencapaian yang berkaitan dengannya'.

Katanya, umat Islam perlu melpatgandakan usaha ke arah meningkatkan pengetahuan dan teknologi mereka setelah sekian lama dalam kemunduran serta terlalu banyak bergantung kepada orang lain.

Ketika berucap merasmikan seminar antarabangsa *Pendekatan Islam Terhadap Perkembangan Teknologi* sempena ulang tahun ke-10 penubuhan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, beliau menjelaskan:

"Sebahagian besar dari tanggungjawab ini terletak

di bahu cerdik-pandai Islam dan penganutnya bagi menerapkan semangat serta sikap yang dapat membantu umat Islam mengejar orang lain di bidang teknologi moden.

"Walaupun umat Islam adalah golongan yang tertindas, ada negara-negara Islam yang mempunyai kekayaan sumber-sumber asli. Ada juga orang-orang Islam yang mempunyai kemahiran dan kepakaran.

Kebaikan

"Apa yang diperlukan ialah usaha bersama bagi memastikan kekayaan sumber-sumber ini diguna untuk kebaikan bersama. Di zaman teknologi angkasa ini, masih banyak lagi yang perlu dilakukan oleh umat Islam."

Bagi umat Islam di Malaysia, tambahnya, mereka tidak harus mengenyahkan perubahan teknologi yang pesat berlaku di sekeliling mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir

berkata, kekayaan sumber-sumber asli negara tidak akan kekal selama-lamanya kecuali umat Islam meningkatkan keupayaan, teknologi dan kemahiran mereka bagi menggunakan sepenuhnya sumber-sumber itu di samping meneroka peluang-peluang baru.

"Orang lain tidak akan menolong kita untuk selama-lamanya. Mereka tidak akan memberikan pertolongan bila kita sangat-sangat memerlukannya. Kita hanya boleh bergantung kepada diri kita sendiri," tegas Perdana Menteri.

Menurutnya, hakikat bahawa sepertiga dari penduduk dunia adalah umat Islam di negara-negara mundur menunjukkan betapa kuatnya pergantungan mereka kepada orang lain.

Katanya, imej umat Islam masakin adalah 'amat memulikan' dibanding dengan zaman kegemilangan Islam semasa dan selepas Nabi Muhammad SAW.

"Ini adalah bertentangan dengan apa yang dijanjikan oleh

Islam serta yang diharapkan dari umatnya, dan ini wujud akibat kesalahan kita sendiri.

"Umat Islam hari ini hanya boleh berbangga dengan kejayaan masa lalu iaitu kesan-kesan sejarah kemuncak *Ummatun Islam*," katanya.

Dalam Islam, tambah Perdana Menteri, mencari ilmu pengetahuan bukan semata-mata untuk mendapatkan pengetahuan tetapi adalah bagi mendapatkan kebenaran.

Binasa

Di samping itu, katanya, pengetahuan harus diguna bagi kebaikan manusia sejagat dan teknologi adalah sebenarnya penggunaan ilmu pengetahuan di pelbagai bidang untuk kebaikan bersama.

Tetapi, ada pengetahuan dan teknologi yang boleh disalahgunakan seperti teknologi pertahanan yang boleh disalahguna bagi tujuan penceroobahan dan kebinasaan.

"Teknologi angkasa boleh disewangkan dari penerokaan angkasa lepas kepada pengintipan, ketenteraan. Tetapi ini hanya membuktikan kelemahan manusia dan bukannya keazliman pengetahuan dan teknologi," tambahnya.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kiri) tersenyum waktu menerima kertas kerja seminar yang disampaikan oleh Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Tan Sri Ainnuddin Abdul Wahid di Kuala Lumpur semalam.

Seminar mengenai 'Pendekatan Islam Terhadap Perkembangan Teknologi' itu akan berlangsung selama empat hari dan diadakan sempena ulang tahun ke-10 penubuhan UTM.

—Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia